

Kelantan cadang wakil MT jumpa Dr. M

KOTA BHARU 10 Jun - UMNO Kelantan mencadangkan beberapa wakil Majlis Tertinggi (MT) parti yang mempunyai kedudukan dalam kerajaan mengadakan perjumpaan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi mendengar sendiri perasaan tidak puas hati beliau.

Pengerusinya, Datuk Seri Annuar Musa berkata, wakil MT daripada kementerian yang dikaitkan secara langsung dengan isu-isu dibangkitkan Dr. Mahathir, berperanan memberi penjelasan terhadap segala persoalan ditimbulkan oleh bekas Perdana Menteri itu.

"Apa salahnya kita duduk dan mendengar apa yang Tun tidak berpuas hati dan dia juga berpeluang mendapatkan jawapan kepada perkara dibangkitkan secara keluarga," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan negeri di Bangunan UMNO Ke-

lantani di sini hari ini.

Menurut Annuar, segala maklum balas hasil perjumpaan dengan Dr. Mahathir perlu dimaklumkan kepada MT bagi membolehkan tindakan susulan dibuat.

Dalam pada itu, beliau berkata, UMNO Kelantan mahukan suasana kata mengata antara kedua-dua belah pihak dihentikan kerana ia bukan sifat orang Melayu.

Mengulas mengenai mesyuarat hari ini, Annuar berkata, pihaknya sebulat suara memberi sokongan padu kepada Abdullah dan berharap pendekatan beliau yang tidak terikat kepada pendapat mana-mana individu diteruskan.

"Kita juga berharap Dr. Mahathir menunaikan janjinya sebelum ini untuk tidak memberi masalah kepada kerajaan dan parti setelah tidak lagi berkhidmat sebagai Perdana Menteri," katanya.